

KHUTBAH JUMAAT

“MERANCANG MASA DEPAN”
(26 Disember 2025M/ 5 Rejab 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menjaga diri dengan iman dan takwa. Pastikan setiap tindakan kita selari dengan perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Awasi diri daripada melanggar batasan dan tegahan-Nya. Mohonlah bantuan dan petunjuk-Nya dalam setiap urusan kita, kerana Dia sebaik-baik penjaga dan Yang Maha Pengasih terhadap hamba-hamba-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita kelapangan hati dan ketetapan iman dalam melayari kehidupan.

Jagalah adab solat Jumaat, elakkan diri daripada bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Merancang Masa Depan**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tahun 2025 hampir melabuhkan tirainya. Berbagai-bagai peristiwa suka dan duka telah kita lalui sepanjang tahun 2025. Nikmat yang kita kecapi, kesusahan yang kita hadapi adalah sebahagian daripada ragam kehidupan yang ditempuhi oleh setiap orang. Hanya cara dan sikap kita menguruskannya yang menjadikan nikmat dan kesusahan itu bermanfaat kembali kepada diri kita sendiri. Nikmat yang diterima adalah ujian sama ada kita bersyukur atau sebaliknya. Manakala kesusahan yang dibentangkan adalah ujian keimanan, kebijaksanaan serta keteguhan semangat kita dalam menghadapi dan mengatasinya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anbia', ayat 35:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya: *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati, dan Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kami kamu dikembalikan.*

Imam Jalaluddin as-Suyuti *rahimahullah*, dalam Tafsir al-Jalalain menjelaskan bahawa manusia akan diuji oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan keburukan dan kebaikan seperti kefakiran, kekayaan, kesakitan dan kesihatan sama ada mereka menghadapinya dengan kesabaran dan kesyukuran atau sebaliknya. Kemudian, masing-masing akan kembali kepada Allah

subhanahu wata'ala untuk menerima balasan yang sesuai dengan amalan yang telah dilakukannya.

Begitulah hakikat kehidupan kita. Nyawa dan usia hanyalah pinjaman. Dengan waktu yang singkat ini kita diamanahkan untuk mengurus kehidupan berpandukan ajaran Islam. Dalam membuat persediaan untuk kehidupan hari esok (dalam dunia) yang tidak pasti, janganlah sampai kita lupa hari esok yang kita semua pasti akan temui iaitu kematian dan hari akhirat yang kekal abadi.

Imam Ibnu Abi al-Dun-ya *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Yakin* menukilkan kata-kata Imam al-Hasan al-Basri *rahimahullah* yang berbunyi:

((مَا رَأَيْتُ يَقِينًا لَا شَكَّ فِيهِ أَشْبَهَ مِنْ شَكِّ لَا يَقِينَ فِيهِ مِنْ أَمْرِنَا هَذَا))

Maksudnya: *Aku tidak pernah melihat sesuatu yang begitu pasti tanpa keraguan, namun dianggap oleh manusia seolah-olah sesuatu yang ragu dan tidak pasti. Perkara tersebut adalah kematian.*

Justeru, perkara yang amat penting bagi kita umat Islam berkaitan dengan kehidupan ini ialah kita persiapkan menuju kehidupan abadi di akhirat kelak tanpa mengabaikan kesejahteraan kehidupan di dunia, termasuklah pelaksanaan kewajipan sebagai umat Islam, persiapkan amal, hubungan kita dengan Allah *subhanahu wata'ala*, juga hubungan sesama manusia semasa hidup di dunia ini.

Daripada Syaddad bin Aus *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ))

Maksudnya: Orang yang cerdas (yang berakal) ialah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian. Manakala orang yang lemah (imannya) ialah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah *subhanahu wata'ala* (bahawa Allah *subhanahu wata'ala* akan mengampuninya).

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam menuntut umatnya untuk sentiasa mempersiapkan masa depan yang lebih baik dalam pelbagai ruang lingkup kehidupan, termasuk aspek spiritual, moral, intelektual, dan material. Persiapan ini selaras dengan ajaran al-Quran dan hadis yang menekankan pentingnya berusaha, beramal soleh, dan menjaga amanah Allah *subhanahu wata'ala*.

Tahun-tahun yang mendatang pastinya memiliki cabarannya yang tersendiri. Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kita supaya merancang dengan baik masa depan kita termasuklah persediaan menuju alam akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.*

Perancangan masa depan ini pastinya perlu diiringi dengan usaha dan tindakan yang berterusan. Tanpa ada usaha, maka dari mana datangnya hasil yang baik dan diharapkan?

Setelah kita berusaha, hendaknya kita bertawakal (menyerahkan) kepada Allah *subhanahu wata'ala* urusannya kerana Allah *subhanahu wata'ala* jualah sebaik-baik tempat kita berserah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa rumusan khutbah pada hari ini, antaranya:

Pertama: Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan dan bersabar atas segala ujian yang dihadapi.

Kedua: Persiapkanlah diri dan keluarga kita dengan persediaan yang baik sama ada dari sudut material, intelektual dan terlebih lagi

kefahaman dalam agama dan keimanan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dalam menuju kehidupan akhirat yang abadi.

Ketiga: Jauhilah perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah *subhanahu wata'ala* dan sentiasa saling mengingatkan antara satu sama lain. Semoga ia menjadi sebab kepada turunnya berkat dan rahmat dari Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita semua dalam menghadapi tahun-tahun yang mendatang. Insya-Allah.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raaf, ayat 96 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (٩٦)

Maksudnya: *Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَتَيْهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.